

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 10 TAHUN 1977

DASAR MENGENAI CARA MEMPROSES PERMOHONAN MENUKAR JENIS KEGUNAAN TANAH DI BAWAH SEK: 124 K.T.N. UNTUK TAPAK KILANG KAYU/PAPAN

Adalah saya dengan segala hormatnya memaklumkan bahawa menurut satu keputusan MMK yang dibuat satu masa dalam pertengahan tahun 1976 bagaimana Kertas Bil.14/545/76(38) telah menetapkan bahawa permohonan untuk tapak apa-apa kilang hendaklah dihantar kepada PHT yang berkenaan dan PHt yang berkenaan dikehendaki mengambil langkah-langkah merujukkan permohonan-permohonan itu kepada Pegawai-pegawai yang berkenaan. Setelah mendapat pandangan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan dalam mesyuarat ‘meja bulat’ perakuan-perakuan hendaklah disediakan dan seterusnya diangkat kepada Unit Perancang Negeri.

2. Pihak Unit Perancang Negeri pula dikehendaki mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Meminta pihak pemohon menyediakan kertas kerja mengenai projek yang hendak dijalankan;
- (ii) Menegaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan equiti, modal, pekerja-pekerja dan lain-lain maklumat lagi.

Setelah mendapat maklumat daripada Pejabat-pejabat Tanah berkenaan satu kertas akan disediakan oleh Unit Perancang Negeri untuk diangkat kepada Jawatankuasa kecil memajukan perusahaan bagi pertimbangan selanjutnya.

3. M.M.K yang bersidang pada 26/5/1977, selepas menimbang kertas Bil.10/462/77 (8) mengenai penubuhan kilang kayu/kilang papan dan telah membuat keputusan bersetuju meminda cara memproseskan supaya dibuat seperti berikut :-

- (a) Seseorang yang telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perhutanan dan Hasil Bumi negeri untuk mengadakan satu kilang gergaji kayu itu hendaklah membuat permohonan kepada PHT untuk mendapatkan kelulusan bagi menukarkan syarat dan Jenis Kegunaan tanah di bawah sek. 124 KTN bagi maksud tapak kilang kayu dengan satu salinan kepada PTG.
- (b) Apabila PHT menerima permohonan semacam ini pihaknya memeriksa dan membuat laporan berkenaan dengan kesesuaian tanah itu dan diangkatkan kepada PTG dalam bentuk Rang Kertas MMK.
- (c) Apabila laporan rang Kertas MMK daripada PHT telah diterima oleh PTG maka PTG/PHT hendaklah mengaturkan satu perjumpaan dengan jabatan-jabatan yang ada kaitan seperti JKR, Pengarah Perancang Bandar dan Kampung, Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengarah Perhutanan Negeri dan lain-lain sekiranya perlu dengan menghantar kepada mereka cadangan-cadangan tersebut supaya pihak jabatan dapat membuat penyiasatan sebelum menghadiri mesyuarat itu. Tarikh mesyuarat akan diberi cukup masa untuk memberi peluang kepada Jabatan-jabatan membuat lawatan masing-masing dan jika tidak ada terima apa-apa jawapan dalam masa 14 hari daripada tarikh surat diedarkan, maka bolehlah dianggap bahawa jabatan-jabatan yang berkenaan itu tidak ada apa-apa bangkangan dan bersetuju dengan permohonan yang dikemukakan.

- (d) Apabila dipersetujui oleh perjumpaan yang diaturkan oleh PTG itu maka PTG hendaklah mengangkat perkara ini kepada MMk untuk pertimbangan kelulusan.
4. Permohonan-permohonan untuk menubuh kilang atau mengubah syarat dan jenis kegunaan tanah bagi maksud selain daripada kilang-kilang kayu, dasar dan caranya tidak berubah, iaitu bagaimana perenggan 1 dan 2 di atas.
5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil.7/76 dan Arahan PTG Bil.5/1977.

t.t

(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADAA:

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan
Pengarah Ukur Negeri Kelantan
Pengarah L.K.T.N Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan
Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL : PTG.(KN) 10776/(19)
PTG.(KN), 6576

KOTA BHARU : 6HB. JULAI, 1977

